

- Program GoFlexi Kad Kredit-i Bank Islam ("Kad-i") bermula pada 17 Januari 2013.
- Program GoFlexi ini terbuka kepada semua Ahli Kad-i termasuk Ahli Kad-i Tambahan. Walaubagaimanapun, permohonan Program GoFlexi ini hendaklah dibuat oleh Ahli Kad-i Utama. Akaun Ahli Kad-i hendaklah dalam keadaan semasa di samping tidak mempunyai sebarang baki bayaran tertunggak dan mempunyai baki had pembiayaan yang mencukupi untuk pelaksanaan caj keuntungan Program GoFlexi.
- Dengan memohon Program GoFlexi Ahli Kad-i menerima dan bersetuju kepada Terma & Syarat Program GoFlexi ini.
- Program GoFlexi hanya terpakai untuk transaksi runcit dengan pembelian minimum sebanyak RM1,000 untuk setiap transaksi dalam satu resit di mana-mana terminal/rakan dagang bukan kendalian kami. Terminal/rakan dagang bukan kendalian kami merujuk kepada terminal/rakan dagang yang bukan di bawah kendalian Bank Islam.
- Setiap permohonan daripada Ahli Kad-i untuk menyertai Program GoFlexi hendaklah dibuat melalui panggilan telefon ke Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03 26 900 900 atau melalui lain-lain cara yang dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Butiran lanjut berkenaan pembelian atau transaksi runcit yang ingin dipohon oleh Ahli Kad-i untuk pembayaran ansuran melalui Program GoFlexi hendaklah dimaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh 3 hari dari tarikh pembelian/transaksi sehingga sebelum tarikh matang penyata akaun dengan syarat jumlah pembelian atau transaksi runcit tersebut telah didebitkan ke dalam akaun Ahli Kad-i. Ahli Kad-i adalah tidak layak untuk memohon Program GoFlexi sekiranya syarat di atas tidak dipenuhi.
- Transaksi tunai/pengeluaran tunai /baki bayaran untuk pembelian melalui pos/telefon (MOTO)/transaksi Pelan Ansuran Mudah (IPP)/Pindahan Baki, dan lain-lain skim ansuran dari institusi kewangan lain adalah tidak layak untuk Program GoFlexi ini.
- Tempoh ansuran untuk Program GoFlexi adalah 6, 9 atau 12 bulan, dan Ahli Kad-i akan dikenakan sekali sahaja caj pengendalian sebanyak 4.5% daripada amaun transaksi berkenaan pada bulan yang sama permohonan Program GoFlexi diluluskan. Caj berkenaan akan dimasukkan ke dalam amaun ansuran bulan pertama yang perlu dibayar seperti yang akan dinyatakan di dalam Penyata Akaun Ahli Kad-i pada bulan yang sama.

Ahli Kad-i tidak akan dikenakan yuran dan caj tambahan untuk bayaran ansuran bulan kedua dan seterusnya dalam Program GoFlexi. Amaun yang sama untuk ansuran bulanan bagi transaksi di bawah Program GoFlexi perlu dibayar oleh Ahli Kad-i tanpa sebarang tolakan dan sebagainya Contoh : Transaksi Runcit untuk amaun sebanyak RM1,200.00 pada 1 Februari 2013, Ahli Kad-i mesti memberi makluman kepada Pusat Kad Bank Islam seawalnya pada 3 Februari 2013 atau 3 hari sebelum tarikh penyata akaun Ahli Kad-i untuk bulan berikutnya.

Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

Pelan Ansuran (Bulanan)	Ansuran	Caj Pengendalian (sekali sahaja)	Bayaran Ansuran (Bulanan)
1	RM100	RM54	RM154
2	RM100	-	RM100
3	RM100	-	RM100
4	RM100	-	RM100
5	RM100	-	RM100
6	RM100	-	RM100
7	RM100	-	RM100
8	RM100	-	RM100
9	RM100	-	RM100

- Segala pengaturan pembayaran di bawah Program GoFlexi tidak boleh diubah.
- Bank tidak akan mengenakan sebarang yuran penyelesaian awal dan membayar balik caj keuntungan yang telah dikenakan sekiranya Ahli Kad-i ingin membuat bayaran penuh sebelum tamat tempoh ansuran Program GoFlexi tersebut.

- Akaun Ahli Kad-i akan berkurangan mengikut amaun ansuran Program GoFlexi yang masih belum dijelaskan. Walaubagaimanapun, Akaun Ahli Kad-i akan bertambah semula sekiranya pembayaran ansuran telah dibuat.
- Ansuran Program GoFlexi akan dimasukkan di dalam penyata akaun bulanan Ahli Kad-i bermula daripada tarikh kelulusan permohonan Program GoFlexi dan setiap bulan berikutnya sehingga bayaran penuh ansuran berakhir.

Bermula 2 Oktober 2019 untuk semua permohonan baru Program GoFlexi, ansuran bulanan hendaklah dibayar secara penuh bersama 5% bayaran minimum setiap bulan. Maklumat lanjut sila rujuk ilustrasi seperti yang dibawah:

Ilustrasi:

Had Pembiayaan – RM5,000

***Baki Penyata** – RM5,400

**Nota: Baki Penyata termasuk Program GoFlexi sebanyak RM100 sebulan, IPP sebanyak RM100 sebulan dan Baki Qard sebanyak RM400.*

Bayaran Minimum Tertunggak – RM300

Pengiraan Sebelum :	Pengiraan Baharu :
$[5\% \times (RM5,400 - (RM5,400 - RM5,000))] + RM400 + RM300 = RM970$	$[5\% \times (RM5,400 - RM100 - RM100 - (RM5,400 - RM5,000))] + RM400 + RM300 + RM100 + RM100 = RM1,140$

- Pembayaran untuk ansuran bulanan Program GoFlexi adalah diklasifikasi sebagai transaksi runcit biasa yang mana Ahli Kad-i akan menikmati tempoh 20 hari bebas caj keuntungan daripada tarikh transaksi didebitkan ke dalam penyata akaun Ahli Kad-i.
- Walaupun peruntukan yang terkandung di dalam ini, sekiranya berlaku sebarang kelewatan atau kegagalan Ahli Kad-i untuk membuat pembayaran minimum atau RM50 (yang mana lebih tinggi) pada atau sebelum tarikh matang pembayaran (diklasifikasikan sebagai tertunggak) semua bayaran yang kena dibayar dan terhutang di bawah Program GoFlexi, iaitu yang merangkumi ansuran bulanan Program GoFlexi dan jumlah prinsipal Program GoFlexi yang belum dimasukkan di dalam penyata akaun akan dikenakan caj keuntungan biasa.

- Jika Ahli Kad-i hanya membuat bayaran kurang dari pembayaran minimum atau RM50 (yang mana lebih tinggi) dari jumlah baki yang masih belum dijelaskan (jika ada), tanpa membayar ansuran bulanan Program GoFlexi, maka amaun ansuran bulanan Program GoFlexi tersebut adalah tertakluk kepada caj keuntungan biasa seperti berikut:

	Jenis Transaksi	Fi Tahunan	
Kadar Caj Runcit & Keuntungan Pindahan Baki		13.5% (Peringkat 1)	Jika bayaran minimum dibuat oleh anda sebelum atau pada tarikh matang selama 12 bulan berturut-turut.
		16.0% (Peringkat 2)	Jika bayaran minimum dibuat oleh anda sebelum atau pada tarikh matang sebanyak 10 atau 11 kali dalam tempoh 12 bulan.
		17.5% (Peringkat 3)	Jika bayaran minimum dibuat oleh anda sebelum atau pada tarikh matang selama 9 kali atau kurang dalam tempoh 12 bulan.

- Ahli Kad-i boleh membuat lebih daripada satu permohonan Program GoFlexi, tertakluk kepada baki had pembiayaan yang masih boleh digunapakai dalam Akaun Ahli Kad-i.
- Sekiranya akaun Ahli Kad-i menjadi status tertunggak, pelan ansuran ini akan secara automatik terbatal dan baki bayaran untuk transaksi tersebut akan didebit ke dalam penyata akaun Ahli Kad-i pada bulan berikutnya.
- Pembayaran untuk Program GoFlexi adalah tidak layak untuk Program Rebat Tunai atau apa jua imbuhan lain.
- Selain itu, Caj Pampasan Lewat Bayar (Ta'widh) sebanyak 1% akan dikenakan ke atas baki yang masih belum dijelaskan setakat tarikh penyata akaun iaitu minimum RM5.00 dan maksimum RM50.00 yang mana lebih tinggi seperti yang diputuskan oleh Bank Negara Malaysia.

-
- Jika penyesuaian dibuat berkaitan dengan mana-mana pembekalan yang dibuat di bawah atau berkaitan dengan dokumen/Perjanjian ini, amaun GST yang perlu dibayar ke atas pembekalan yang boleh dikenakan cukai akan dikira untuk menunjukkan penyesuaian dan pembayaran untuk perbezaan itu akan dibuat kepada Bank atau oleh Bank, yang mana satu berkaitan.
 - Jika Ahli Kad-i (yang menyertai Program GoFlexi ini) mengarahkan pihak Bank untuk membatalkan keahlian Ahli Kad-i atau Keahlian Ahli Kad-i dibatalkan oleh pihak Bank atas apa jua alasan sebagaimana yang tertakluk dalam Perjanjian Kad, Ahli Kad-i bertanggungjawab untuk menyelesaikan sepenuhnya baki yang masih belum dijelaskan, termasuk yuran dan caj yang mungkin dikenakan oleh pihak Bank bagi penutupan Akaun Ahli Kad-i menurut Perjanjian Kad.
 - Terma dan Syarat ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad-i. Sekiranya terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat yang terkandung di sini dengan Terma dan Syarat Perjanjian Ahli Kad-i, Terma dan Syarat ini akan digunapakai setakat yang berkaitan dengan Program GoFlexi ini.
 - Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan atau menggantung Program GoFlexi ini dengan notis yang mencukupi. Bagi mengelakkan keraguan, penamatan atau penggantungan Program ini oleh pihak Bank tidak melayakkan Ahli Kad-i untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Ahli Kad-i secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
 - Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah Terma dan Syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa dengan memberi notis makluman kepada Ahli Kad-i, dan terma dan syarat yang telah diubah akan berkuatkuasa pada masa seperti yang diberitahu oleh pihak Bank.
 - Terma dan Syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.